

'GOYANG' TAPI MANTAP

BERSAMA



HARYANI ISMAIL
haryani@sph.com.sg

KEHIDUPAN Encik Mohamad Nur Hafidz Ahmad Fuaad tidak sepi daripada cemuh rakan sekolah yang tidak mengerti mengapa tangan dan bahunya sentiasa bergerak tidak tentu arah.

Matanya pula terkenyit-kenyit tidak tentu masa sehingga beliau sendiri bimbang ada yang salah sangka beliau sibuk nak mengurut gadis-gadis.

Lebih perit untuk anak sulung dua beradik ini lalu ialah situasi stres lagi membingitkan yang membuat beliau mengetap bibir dan menggigit lidah hingga berdarah.

Semua itu berlaku kerana Encik Hafidz, 22 tahun, dibelenggu Sindrom Tourette sejak di tadika lagi.

Sindrom yang pada awalnya bak satu penyakit misteri itu adalah sejenis gangguan ketidakseimbangan bahan kimia pada minda.

Ekoran itu, genjotan dan pergerakan ototnya payah dikawal, manakala pertuturannya terjejas dan raut wajahnya pula berkerut.

Namun, di sebalik penderitaan yang beliau alami dan keadaannya yang dijauhi teman-teman yang gerun atau geli, Encik Hafidz tetap cecal hati dan bercita-cita tinggi.

Dengan gred purata (GPA) 3.2, lulusan Diploma Teknologi Kimia dan Farmaseutikal dari Politeknik Nanyang itu kini sudah mendapat tempat di universiti kelima Singapura, Institut Teknologi Singapura (SIT).

Beliau akan mengikuti pengajian kejuruteraan kimia pada September 2014, selepas tamat Perkhidmatan Negara.

Pengajian itu juga meliputi pembelajaran satu penggal di Universiti Newcastle, United Kingdom.

Menceritakan liku-liku hidupnya, Encik Hafidz yang bercita-cita menjadi jurutera kimia, berkata:

"Saya sudah lali dicerca dan disingkirkan teman-teman. Sewaktu di sekolah menengah dulu, ada yang hina saya dan panggil saya 'si cacat'.

"Mereka sebenarnya iri hati sebab saya selalu dapat markah tinggi dan dilayan baik semua guru.

"Kalau dulu saya mudah terasa dan sedih, selepas itu, saya tak kisah walau kerap kali makan di kantin dan belajar seorang diri."

Baginya, tekadnya satu saja – ingin membuktikan beliau mampu ke menara gading dan mendapat kerjaya yang baik demi meringankan bebanan ibu bapanya.

Ibunya, Cik Hamimah Hassan, 55 tahun, seorang suri rumah, dianggap teman karib yang sudi mendengar keluh-kesahannya.

Bapanya, Encik Ahmad Fuaad Hassan, 58 tahun, pembantu pentadbiran, banyak memberi dorongan.

Ada kalanya, Encik Hafidz tersinggung tatkala beberapa penumpang kereta api MRT di sebelahnya segera bangkit dari tempat duduk, ketakutan sewaktu badannya tiba-tiba teranjut-enjut.

"Muka mereta berkerut melihat keadaan saya. Tak ramai yang tahu apa itu Sindrom Tourette sebab pergerakan yang payah dikawal boleh beralih dari satu bahagian tubuh ke bahagian lain. Misalnya, dari bahu ke mata," ceritanya.

ASAL USUL PENYAKIT

Cik Hamimah, yang menemani Encik Hafidz sepanjang wawancara di pejabat *Berita Harian/Minggu*, akur beliau dan suaminya bingung ketika mengesan Encik Hafidz sering keresahan dan tidak boleh duduk diam.

"Ketika itu usianya sekitar enam tahun. Kami dalam teksi dan tangannya tiba-tiba berpaut pada tempat pemegang dalam teksi! Punggunya pula terus bergoyang tanpa henti," cerita ibunya.

Bermacam-macam perubatan di dalam dan luar negara, dari akupunktur hingga rawatan tradisional, dicubanya.

"Sewaktu dalam darjah empat, seorang guru sarankan saya bertemu pakar penyakit kanak-kanak di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak KK.

"Selepas melalui imbasan magnetik (MRI), pakar itu mengesan ketidakseimbangan kimia pada otak saya yang menyebabkan otot-otot saya terus bergerak-gerak," ujar Encik Hafidz.

Sejak itu, beliau kerap menjalani pemeriksaan doktor saban minggu yang membantunya menyesuaikan diri apabila penyakitnya tiba-tiba menyerang.

Meskipun penyakit ini tidak boleh sembuh sepenuhnya, Encik Hafidz mendapati ia tidak seteruk dahulu.

Beliau kini hanya perlu menjalani kaunseling empat bulan sekali dan mengunjungi pakar psikiatri Sindrom Tourette enam bulan sekali.

Dua jenis ubat penenang, *Haloperidol* dan *Risperidone*, menjadi santapan harian.

Dalam pada itu, masalah gangguan perbuatan berulang atau *Obsessive-Compulsive Disorder* (OCD) yang turut dihadapinya juga berkurangan.

"Kalau dulu memang dahsyat. Saya akan periksa beg sekolah dan bawah meja di kelas berulang kali kerana bimbang saya tertinggal barang.

"Kini, masalah OCD saya lebih pada tak mampu melupakan sesuatu peristiwa perit. Kalau saya dimarah pegawai tentera, saya sangka esok-esok pun, saya akan tetap dimarahinya," ceritanya lagi.

SEMANGAT KEPIMPINAN

Encik Hafidz juga pernah diberi peluang memimpin Kelab Berbilang Media di Sekolah Menengah Unity, selaku pengerusinya.

Itulah ruang untuknya membangun keyakinan diri dan minat merakam foto.

Sejak lebih setahun lalu pula, beliau yang gemar mengumpul mainan *Transformers*, ditugaskan menjadi pentadbir laman Facebook sekumpulan peminat *Transformers*.

Kumpulan *Singapore Transformers Fans Unite* (STFU) biasanya akan berkumpul seminggu sekali di pasar lambak China Square Central untuk bertukar-tukar maklumat mengenai koleksi mereka.

"Ada dalam 2,000 set mainan *Transformers* di rumah saya. Mainan robot ini menarik kerana ia boleh bertukar menjadi kenderaan.

"Itulah cara saya melegakan tekanan dan menghiburkan hati saya. Teman-teman STFU jauh lebih matang dan memahami keadaan saya. Mereka tidak pernah membeza-bezakan saya," ujar Encik Hafidz dengan nada gembira.

"Pesan saya, fahamilah orang seperti saya. Kami ada hati, ada perasaan. Jangan beza-bezakan kami dan usah perkecilkan usaha kami," katanya penuh kesungguhan.



KEBANGGAAN IBU BAPA:

Encik Mohamad Nur Hafidz Ahmad Fuaad ingin mengembirakan dan meringankan bebanan kewangan ibu bapanya, Encik Ahmad Fuaad Hassan dan Cik Hamimah Hassan, yang bersyukur dengan pencapaian anak mereka (*gambar kiri*).

Gambar atas pula menunjukkan Encik Mohamad Nur Hafidz, walaupun dilanda Sindrom Tourette yang membuat pergerakan bahu dan tangannya payah dikawal, terus bersemangat untuk berjaya dalam pelajaran dan menjejakan kaki ke menara gading. Hobi mengumpul mainan 'Transformers' menjadi pelega tekanannya.

– Foto ihsan ENCIK MOHAMAD NUR HAFIDZ & KHALID BABA

Source: Berita Minggu © Singapore Press Holdings. Reproduced with permission.